

Kementerian dapatkan laporan JPS

KUALA LUMPUR 9 Mac - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mendapatkan laporan penuh daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berhubung kejadian banjir kilat yang berlaku di ibu negara dan pinggir bandar kelmarin.

Menterinya, Datuk Seri Douglas Uggah Embas berkata, sebaik sahaja menerima laporan terperinci itu, satu kajian mengenai punca banjir dan penyelesaiannya akan diambil sebelum keputusan dibuat.

“Kita tidak mahu melakukan sebarang keputusan terburu-buru.

“Kita tunggu sahaja laporan penuh, termasuk punca kejadian banjir itu Isnin ini daripada JPS,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Hujan lebat dan ribut selama lebih tujuh jam di Lembah Klang kelmarin menyaksikan beberapa kawasan di ibu negara dan pinggir bandar mengalami banjir kilat, pokok tumbang serta tanah runtuh kecil selain beberapa kawasan turut ditenggelami air termasuk 100 buah rumah di Ampang.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah I JPS, Datuk Ir. Nordin Hamdan berkata, pihaknya sedang menyediakan laporan penuh mengenai kejadian tersebut.

Menurutnya, kejadian banjir kilat yang melanda ibu negara dan pinggir bandar itu dipercayai berpunca daripada lebihan isipadu air hujan.

“Kita memang mempunyai sistem saliran yang sistematik namun gagal menampung isipadu air yang berlebihan ekoran hujan lebat Rabu lalu.

“Kita akan mengkaji punca sebenar. Jika ia berpunca daripada saliran air seperti sungai yang sempit, maka kita membesarkan sungai tersebut,” katanya.